

CNS0513

U GB 10-07 00159 BA287

Aab

Mahathir - Inflasi

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa rakyat memahami mekanisme inflasi supaya dapat mengelakkan diri daripada terjebak dalam psikologi gejala itu.

Perdana Menteri berkata, walaupun banyak langkah yang boleh diambil oleh kerajaan bagi membendung inflasi, pada akhirnya orang ramailah yang menentukan sama ada inflasi dapat dikawal atau sebaliknya.

+Sebenarnya psikologi inflasi telah menular. Apabila pengguna merasakan bahawa harga akan meningkat pada esok harinya, dia akan sanggup membayar sebarang harga yang ditawarkan pada hari ini.

+Harga yang ditawarkan mungkin tidak munasabah, tetapi dia akan membuat andaian bahawa tawaran ini adalah baik memandangkan ianya adalah lebih murah daripada harga keesokan harinya, + katanya semasa membentangkan usul Rancangan Malaysia Keenam (RM6) di Dewan Rakyat hari ini.

Katanya, penjual pula, yang bimbang untuk mengisi semula stok, akan cuba meletakkan harga yang tinggi supaya dapat membiayai kos perolehan stok yang baru. -- Lagi.

♥10/07/17-45MST

CNS0514

U GB 10-07 00186 BA288

Aab

Mahathir - Inflasi 2 Kuala Lumpur

Menurut Perdana Menteri, pemborong, pekilang barang-barang makanan, pembekal bahan-bahan mentah, operator pengangkutan, ahli bank dan sesiapa sahaja akan cuba membuat jangkaan kenaikan harga pada masa depan dengan meningkatkan harga sekarang.

Para pekerja juga akan terpaksa meminta kenaikan gaji untuk membolehkan mereka membeli barang-barang yang semakin mahal, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata berdasarkan tanggapan bahawa harga akan sentiasa meningkat dan keperluan untuk menyelaraskan gaji atau pendapatan, inflasi bukan sahaja akan wujud, malah kadarnya akan melambung tinggi.

+Apabila mentaliti seperti ini telah menular, tiada apa pun yang dapat dilakukan lagi, + kata beliau.

Beliau berkata, negara amat bertuah kerana dapat membendung inflasi dan pujian harus diberi kepada orang ramai kerana mengambil berat tentang kenaikan harga dan tidak berbelanja apabila tidak mampu atau memikirkan harganya keterlaluan.

Beliau berkata rakyat perlu mengetahui bahawa mereka sebenarnya bertanggungjawab menyelamatkan diri mereka daripada tekanan inflasi.

+Dengan bertindak demikian, mereka telah memperolehi banyak bonus dari segi pertumbuhan ekonomi yang pesat yang pasti disusuli dengan peningkatan pendapatan dan daya pembelian, + katanya. -- Bernama.

♥10/07/17-45MST